

PERATURAN PEMARKAHAN

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

TAHUN 2025

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Bahagian A

Komik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan aktiviti melancong.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang aktiviti pelancongan.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan

Kehendak / tugasannya soalan:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan persediaan-persediaan / persiapan-persiapan sebelum melancong
 - ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu:
 - Menyediakan barang keperluan peribadi
 - Membeli tiket lebih awal
 - iii. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
 - iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan dengan persediaan-persediaan / persiapan-persiapan sebelum melancong - diterima dan disemak seperti biasa.
 - v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - vi. Calon menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
-
- **Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

Semua murid mempunyai impian untuk mencapai keputusan cemerlang. Menurut Ikon Inspirasi Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Negeri Pahang 2020, Cikgu Mohd Ropizam Mohamad Zainun memberitahu bahawa murid yang cemerlang mempunyai cara tersendiri untuk mendapat keputusan yang cemerlang termasuklah mendisiplinkan diri

Sumber : *Sinar Bestari*, 23 Jun 2023

Huraikan cara yang terdapat dalam petikan di atas berserta cara-cara lain untuk mencapai impian tersebut.

Kehendak / tugasannya soalan

Calon dikehendaki menghuraikan cara yang terdapat dalam petikan beserta **cara-cara lain untuk mencapai impian menjadi murid cemerlang** iaitu

(i) mendisiplinkan diri serta isi-isi luar yang lain.

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan isi dalam petikan sahaja - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan isi luar petikan sahaja - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

2.

KUALA LUMPUR: Sebanyak 14,490 kes penipuan dalam talian dengan jumlah kerugian melebihi RM581 juta direkodkan bagi tempoh Januari hingga 15 Jun lalu, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), M. Kulasegaran. Beliau berkata, kes penipuan dalam talian itu membabitkan jenayah telekomunikasi, jenayah e-kewangan, jenayah e-dagang, pinjaman dan pelaburan tidak wujud.

Sumber: www.bharian.com

Berdasarkan petikan akhbar di atas, huraikan langkah-langkah bagi memastikan kes tersebut mampu dibanteras.

Kehendak / Tugasan soalan:

Calon dikehendaki **menghuraikan langkah-langkah bagi memastikan kes penipuan dalam talian mampu dibanteras.**

3.

Pantun Dilema Pertanian

Ranum kuini gugur di tepi,
Di makan merpati celahan batu;
Bidang tani terpinggir sepi,
Risiko tinggi untung tak tentu.

Orang memukat menaiki lanca,
Tali sauh tambat di dahan,
Persepsi masyarakat menjadi punca,
Konon petani kerjaya bawahan.

Bunga kenanga warnanya terang,
Tampak berseri berkuntum lima;
Ilmu tiada modal pun kurang,
Hasrat bertani terkubur cuma.

Azmi Md Said, Bandar Baharu

Berdasarkan rangkap pantun di atas, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kerjaya dalam bidang pertanian semakin terpinggir.

Bincangkan.

Kehendak / tugasan soalan

Calon dikehendaki **menghuraikan faktor yang menyebabkan kerjaya dalam bidang pertanian semakin terpinggir** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:

- Risiko yang tinggi
- Persepsi masyarakat
- Tiada modal

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea - idea lain yang berkaitan faktor- terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan idea-idea lain - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menggunakan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **BAIK**.

4.

Kerjasama ekonomi antarabangsa memberikan pelbagai manfaat kepada pembangunan negara termasuklah memajukan ekonomi. Malaysia terlibat dalam pelbagai bentuk kerjasama untuk meningkatkan kemajuan ekonomi dan memenuhi keperluan sumber negara. Usaha berterusan dalam menjalankan kerjasama ini akan memastikan perkongsian teknologi dan peningkatan taraf hidup rakyat berlaku.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan, bincangkan manfaat-manfaat tersebut.

Kehendak / tugasan soalan

Calon dikehendaki **menghuraikan manfaat-manfaat kerjasama ekonomi antarabangsa** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:

- Memajukan ekonomi.
- Perkongsian teknologi.
- Peningkatan taraf hidup rakyat.

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea - idea lain yang berkaitan manfaat- terima seperti biasa.
 2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan idea-idea lain - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 4. Calon menggunakan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **BAIK**.
-
- Sekiranya calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**.
 - Sekiranya calon menulis melebihi **511** patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - Sekiranya calon menulis kurang daripada **339** patah perkataan ke bawah – maksimum peringkat **BAIK**.